

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Manusia telah ditentukan oleh Allah s.w.t sebagai wakil-Nya di dalam menetapkan, melaksanakan dan menyampaikan perintah dan hukum-hukum-Nya. Adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk menerima mandat ini sebagai satu kesinambungan dari perjalanan hakikat hidup. Manusia dalam melaksanakan tanggungjawab ini hendaklah di dahului dengan memahami kehendak hukum sama ada pelaksanaannya melalui kuasa ijtihadnya atau gabungan pendapat perwakilan yang dipilih olehnya atau masyarakat setempatnya. Hakikatnya manusia sebagai perwakilan untuk memimpin dan menjana kuasa sumber-sumber alam ke arah kemurnian dan kemakmuran bukanlah satu perintah yang boleh diperengangkan. Allah s.w.t telah berfirman:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Bermaksud:

*Dan (ingatlah) ketika Tuhan mu berfirman kepada malaikat:
"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi..."*

Surah al-Baqarah (2) : 30

Sudah tentu pelantikan Allah s.w.t ini bukan sesuatu yang sia-sia.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Setiap kelompok masyarakat, sama ada kecil atau besar memerlukan pemimpin sebagai penjana kuasa di dalam mengurus dan mentadbir perjalanan kehidupan kelompok tersebut. Justeru itu, tidak hairanlah peranan pemimpin begitu penting dan ia begitu sinonim dengan perkataan ketua atau kepala yang bertanggungjawab menerajui kelompok masyarakat di bawahnya. Melalui corak pimpinan pemimpin itulah yang menentukan jaya atau tidaknya perjalanan kehidupan sesebuah masyarakat.

Sebagai kelompok manusia, masyarakat Adat Perpatih yang menjalankan kehidupan merangkumi pelbagai bidang meliputi soal-soal makro sehingga soal-soal mikro juga begitu mengambil berat dalam soal pemimpin dan kepimpinan. Ini dapat dibuktikan dengan melihat pembahagian kelompok kekeluargaan dalam masyarakat adat tersebut yang mempunyai ketua-ketua tertentu di dalam mengawal perjalanan kehidupan anak buahnya. Maka wujudlah satu tangga kuasa yang bermula dengan *Kadim* (*Tua Waris* atau *Tua Rumpun*) seterusnya *Besar* (*Tua Ruang*), *Buapak* dan *Lembaga*.

Adalah mustahil bagi pemimpin-pemimpin tersebut di atas mempunyai kuasa penuh tanpa pengawasan dari pihak yang tertinggi. Oleh itu, bagi menyelia setiap pemimpin kelompok keluarga dan individu di bawah lindungan adat ini secara menyeluruh, maka seorang ketua dilantik untuk menjalankan tugas-tugas tersebut yang diberi gelaran *Undang*.

Undang adalah pemimpin tertinggi dalam hierarki kepimpinan adat di peringkat Luak.¹ Melihat kepada kepentingannya, maka proses pelantikan Undang dijalankan dengan penuh teliti mengikut adat istiadat dan undang-undang Adat Perpatih. Namun jika diteliti dari perjalanan proses pelantikan Undang yang unik ini, maka kita dapatkan pelantikan ini adalah kuasa masyarakat melalui permesyuaratan-permesyuaratan tertentu di kalangan struktur masyarakat bawahannya. Bukan sebagaimana kebanyakan lantikan yang memberi kuasa kepada golongan atasan untuk memilih.

Selain itu, walaupun diketahui umum bahawa sistem adat ini berasal dari Minangkabau iaitu negeri yang menerima unsur-unsur adat dan syariat Islam sebagai asas sosio-budaya dalam pentadbirannya, tetapi sistem pelantikan Undang kini sebenarnya bukanlah membayangkan sebagaimana sistem Adat Perpatih yang wujud di negeri asalnya. Bahkan gelaran itu hanya wujud pada kurun ke-19 di Negeri Sembilan mengikut kesesuaian dengan kehidupan masyarakat tempatan.

Justeru itu, disertasi ini bertujuan meneliti sama ada pelantikan Undang yang dikhususkan subjek kajiannya kepada Undang Rembau di Negeri Sembilan itu menurut atau bercanggah dengan cara atau proses pelantikan yang disyariat oleh Islam. Proses ini dibuktikan dengan membuat perbandingan-perbandingan dengan pelantikan pemimpin dalam Islam.

¹Luak bermaksud daerah. (Teuku Iskandar (2000), Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 684.)

1.2 MASALAH KAJIAN

Berdasarkan latar belakang masalah di atas, perumusan masalah dapat dibuat seperti berikut:

- i. Bagaimanakah cara pelantikan Undang Rembau dan cara pelantikan pemimpin Islam.
- ii. Apakah terdapat persamaan atau perbezaan antara pelantikan Undang Rembau dan pemimpin Islam.
- iii. Adakah pelantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan menurut perspektif yang disyariatkan oleh Islam.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Penulis memilih kajian ini dengan tujuan untuk membuat satu perbandingan cara pelaksanaan pelantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan dengan cara pelaksanaan pelantikan pemimpin Islam. Di samping itu juga penulis ingin melihat dengan lebih dekat lagi cara pelantikan dan pengamalan adat istiadatnya di dalam melantik kedua-dua pemimpin di atas.

Selain dari tujuan asas seperti yang telah dinyatakan di atas terdapat juga objektif-objektif lain bagi pemilihan penyelidikan ini iaitu;

- i. Mengetahui sejarah pelantikan bagi Undang Rembau dan pelantikan pemimpin Islam.
- ii. Memahami konsep bagi pelantikan kedua-dua pemimpin.
- iii. Mengkaji sejauh mana hubungan persamaan dan perbezaan bagi kedua-dua lantikan.
- iv. Mengetahui sejauh mana pelantikan Undang Rembau ini bertepatan dengan syariat Islam.
- v. Menjadi asas dan pembuka jalan kepada peneliti-peneliti dan pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk membuat pendekatan, penelitian dan rumusan dengan lebih terperinci.

1.4 HIPOTESIS

Penulis beranggapan bahawa pelantikan Undang Rembau dan pelantikan pemimpin Islam mempunyai banyak perbezaan dari segi pelaksanaannya. Tetapi perbezaan dalam pelaksanaan pelantikan Undang Rembau ini tidaklah sampai terkeluar dari landasan yang telah digariskan oleh Islam.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting untuk memberikan maklumat yang jelas kepada orang awam tentang konsep dan tatacara pelantikan Undang Luak Rembau yang berasaskan kepada adat dan juga mengetengahkan peranan adat dalam pelantikan ini. Ia menjadi fokus utama dalam kajian ini adalah kerana untuk melihat perbandingan antara cara pelantikan Undang Rembau dengan cara pelantikan pemimpin Islam. Sejauh mana ia bersesuaian atau bertentangan antara kedua pelantikan. Secara tidak lansung kajian ini juga dapat mengetengahkan peranan institusi Undang iaitu Undang dan para pembesarnya dalam masyarakat adat di Luak Rembau dan peranan pemimpin Islam dalam menerajui puncak pimpinan negara Islam.

1.6 SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini akan difokuskan dan ditumpukan khusus kepada cara pelantikan pemimpin Luak Rembau iaitu Undang Rembau di Negeri Sembilan dan cara pelantikan pemimpin Islam sama ada dari segi konsep, syarat atau proses pelantikannya. Sebelum kajian dibuat penulis akan memberikan gambaran tentang latar belakang sejarah Rembau secara ringkas serta menghuraikan sistem pentadbiran dan sistem pelantikan pemimpin dalam Adat Perpatih.

Seterusnya penulis melanjutkan perbincangan dengan menjelaskan sistem pentadbiran, sejarah pelantikan dan cara pelantikan pemimpin dalam Islam yang difokuskan kepada pelantikan di zaman Rasulullah dan khalifahnya. Akhirnya satu perbandingan dibuat sama ada perlaksanaan adat istiadat pelantikan Undang Rembau itu berbeza atau bersamaan dengan perlaksanaan pelantikan pemimpin dalam Islam.

1.7 HURAIAN ISTILAH

i. Pelantikan

Menurut Kamus Dewan ia bermaksud perihal (tindakan) melantik.²

ii. Undang

Perkataan Undang diambil dari Minangkabau yang berasal dari perkataan Undang-undang³ iaitu bermaksud yang memberi keadilan dalam segi politik, sosial dan pentadbiran.⁴ Undang duduk di puncak hierarki politik dan kepimpinan adat dalam Luaknya (daerahnya). Sebagai raja beliau sering dianggap ‘berdaulat’ oleh rakyat Luaknya. Undang mempunyai kuasa penuh dalam Luaknya.

² *Ibid*, hlm. 764.

³ Abdul Samad Idris (1990), *Payung Terkembang*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, hlm. 153.

⁴ Temuramah bersama Prof. Norhalim Hj. Ibrahim, Pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 21hb. Februari 2002.

iii. Rembau

Rembau merupakan salah sebuah daerah di Negeri Sembilan yang juga dipanggil Luak Rembau.

iv. Pelantikan Undang Rembau

Ia bermaksud pelantikan pemimpin di Luak atau daerah Rembau di Negeri Sembilan dengan mengikut adat istiadat dan undang-undang Adat Perpatih.

v. Pemimpin Islam

Orang yang memimpin berlandaskan syariat Islam atau menjalankan pemerintahan dengan tidak melanggar perintah Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Terdapat beberapa istilah khusus yang digunakan terhadap seseorang pemimpin dalam negara Islam antaranya Khalifah, Amir al-Mukminin dan imam.

Khalifah dari sudut bahasa bermaksud orang yang menggantikan seseorang.⁵

Dari segi istilah pula ia dimaksudkan sebagai satu jawatan ketua negara dalam negara Islam yang bertanggungjawab mentadbir urusan dunia dan hal ehwal agama selepas Rasulullah s.a.w.⁶ Selanjutnya ulama' salaf mentafsirkan jawatan khalifah merupakan orang yang mengetuai dalam perkara-perkara keagamaan dan juga keduniaan sebagai lanjutan daripada tugas Rasulullah s.a.w.⁷

⁵ Al-Marbāwī, Muhammad Idrīs 'Abd al-Raūf (1957), *Qāmūs Idrīs al-Marbāwī*, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hlm. 186.

⁶ Dasuki Hj. Ahmad (Hj.) (1980), *Kamus Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah, hlm. 173.

⁷ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001). *Demokrasi dan Kepimpinan Islam Satu Perbandingan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 26.

Dengan sebab itu kedudukan khalifah menyamai kedudukan Rasulullah s.a.w di kalangan orang mukmin. Oleh itu khalifah berfungsi memimpin umat Islam sesuai dengan tuntutan syarak yang bertindak sebagai pengganti, penegak syariat, pemelihara agama dan mengurus soal-soal yang berkaitan keduniaan terutama dalam urusan pentadbiran negara.⁸ Maksud pemimpin Islam di dalam penulisan disertasi ini juga adalah lebih merujuk kepada maksud khalifah atau ketua negara ini iaitu orang yang memimpin dan menerajui sesebuah negara Islam.

Ungkapan Amirul Mukminin memberi maksud raja atau orang yang dilantik menjadi ketua dalam sesebuah masyarakat.⁹ Istilah ini adalah satu gelaran bagi khalifah-khalifah Islam pada zaman pemerintah kerajaan Islam di zaman lampau. Ia memberi pengertian sebagai pemerintah bagi sekalian orang Islam.¹⁰

Imam yang biasanya adalah pemimpin dalam sembahyang mempunyai pengertian seperti menunjuk jalan kepada suatu arah atau tempat atau memimpin dengan menunjukkan contoh dalam peribadi dan perbuatan diri sendiri yang sudah tentu memiliki sifat-sifat yang dikehendaki.¹¹ Mengikut istilah politik Islam pula, imam ialah ketua tertinggi bagi sesebuah negara yang bertanggungjawab melindungi agama serta mentadbir urusan dunia dengan agama.¹² Ia juga memberi pengertian

⁸ *Ibid.*

⁹ Al-Shaikh Ahmad Ridā (1958), *Mu'jam Matn al-Lughah*, Beirut: Dār Maktabah al Hayāh, Jil. 1, hlm. 204.

¹⁰ Butrūs al-Bustānī (1983), *Muḥīt al-Muḥīt*, Beirut: Maktabah Lubnān, hlm. 16.

¹¹ Muṣṭafā Kamal Wasfi (1977), *Musannahfah al-Nizom al-Islāmiyyah al-Dutūrīyyah Wa al-Idāriyyat*, Al-Qahirah: Maktabah al-Islāmmiyah, hlm. 233.

¹² Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Baṣrī al-Baḡdādī (1973), *Al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*, Misr: Syarikat Maktabah wa Matba'ah al-Bābī al-Halabī, hlm. 5.

yang sama dengan khalifah.¹³ Dalam istilah fiqh Ketua negara digelar sebagai *al-Imāmah al-Kubrā*. Ini bertujuan untuk membezakannya dengan istilah *al-Imāmah al-Sughrā* yang biasanya digunakan oleh ulama' fiqh bagi memberi maksud imam sembahyang.¹⁴

Kedudukan pemimpin sebagai pengganti Rasulullah s.a.w secara langsung merupakan satu tanggungjawab besar iaitu melaksanakan syariat Allah di muka bumi. Ini adalah sejajar dengan peranan yang telah dimainkan Rasulullah s.a.w semasa hayat Baginda iaitu menyeru kebaikan dan menyampaikan syariat Allah kepada manusia sebagai pemeliharaan agama dan urusan dunia.¹⁵

1.8 ULASAN PENULISAN

Setakat yang dapat di kesan dan diketahui, belum ada penyelidik atau pengkaji tempatan maupun luar negara yang menyelidik atau membincarakan secara menyeluruh tentang pelantikan pemimpin Luak Rembau (Undang) dan perbandingannya dengan pelantikan pemimpin Islam. Walaupun tiada kajian yang dijalankan secara terperinci, namun masih terdapat pengkaji-pengkaji yang menulis tajuk-tajuk kecil kajian ini sebagai tajuk-tajuk kecil dalam buku mereka dan telah dijadikan panduan oleh penulis dalam menyempurnakan disertasi ini.

¹³ Al-Munazzamāt al-'Arabiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm (1989), *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*, Larousse: Al-Munazzamāt al-'Arabiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, hlm. 108.

¹⁴ Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwait (1985), *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Matba'ah al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah, Jil. VI, hlm. 201.

¹⁵ Ali 'Abd al-Razak (1925), *Islām wa al-Usul Hukmī*, Misr: Matba'ah Mesir, Syarikat Muṣāḥamah, hlm. 1

Buku Abas Hj. Ali yang bertajuk *Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat Istiadat Melayu Rembau* (1953) memetik tulisan C.W.C Par dan W.H. Mackray merupakan buku bahasa Melayu yang pertama yang membahaskan tentang sejarah dan pentadbiran di Luak Rembau. Selain menceritakan sejarah Rembau ia mengutarkan peranan setiap kelompok kekeluargaan di Luak Rembau dan bidangkuasa pemimpinnya. Tetapi buku ini tidak pula menyentuh apa-apa tentang cara pelantikan Undang melainkan menyorot tentang sejarah Rembau, struktur pemimpin adat dan bidang kuasa pemimpinnya sahaja.

Tan Sri Abdul Samad Idris sebagai penyunting dalam buku *Negeri Sembilan, Adat Merentas Zaman* (1994), mengemukakan penulisan Prof. Norhalim Hj. Ibrahim yang bertajuk “Sistem Adat Negeri Sembilan” yang telah membahaskan tentang sistem pemilihan ketua adat dalam kepimpinan Adat Perpatih seperti pemilihan Buapak, Dato’-dato’ Lembaga dan Undang dalam tajuk ‘Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan’. Tajuk ini juga telah menjelaskan secara terperinci peranan ketua-ketua adat dalam mentadbir pemerintahannya berdasarkan bidang kuasa masing-masing termasuklah peranan Dato’ Undang. Buku ini juga tidak menyentuh tentang pelantikan Undang tetapi telah bincangkan bidangkuasa pemimpin adat antaranya sebagai badan pelantik.

Menurut Profesor Norhalim Hj. Ibrahim dalam *Negeri Sembilan, Daerah Kecil Pusaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat* (1995), telah menjelaskan secara terperinci tentang institusi Penghulu/Undang dalam sistem pentadbiran Undang Luak Rembau dan institusi pentadbiran legal birokrasi. Buku ini banyak membantu penulis

dalam membincangkan tentang sistem kewujudan institusi Undang secara kronologi tetapi masih tidak menyatakan prosedur pelantikan secara ditil.

Jurnal dan Kertas Seminar yang membincangkan tentang pelantikan Undang Rembau, antaranya Norzali Hj. Ibrahim yang menulis 'Undang Luak Rembau ke-21, Adat dan Istiadat Perlantikan' dalam Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia, Bilangan 22 (1999), menekankan upacara-upacara yang dilaksanakan dalam istiadat pengkerjahan Undang Luak Rembau. Beliau membicarakan tentang persediaan dan persiapan yang diperlukan sempena upacara pengkerjahan tersebut. Beliau juga menjelaskan tentang peranan Dato'-dato' Lembaga yang terlibat dalam menyempurnakan istiadat pengkerjahan serta istiadat yang berkaitan dengannya seperti istiadat mendirikan adat, istiadat kerjan, istiadat merafaq sembah kasih dan sebagainya.

Manakala kertas seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (1974) juga membincangkan bidangkuasa dan sifat-sifat pemimpin dalam adat di bawah tulisan Nordin Selat yang bertajuk 'Pemimpin dalam Adat Perpatih'. Kedua-dua penyelidikan ini jelas sedikit menditil dalam menghurai proses pelantikan Undang tetapi masih tidak merangkumi dalam setiap sudut pelantikan terutama dari segi syarat-syarat pelantikan.

Tidak terdapat tesis ataupun disertasi yang menyentuh tentang tajuk ini, tetapi terdapat Latihan ilmiah yang membicarakan hal yang berkaitan. Antaranya ialah pengkajian Abdul Razak Mat Nayan yang bertajuk 'Kepimpinan Adat Perpatih Satu

Kajian Perbandingan dengan Kepimpinan Islam' (1992). Kajian ini membanding hal ehwal kepimpinan secara umum dalam Adat Perpatih tetapi tidak dikhusruskan kepada Undang Rembau. Lain-lain kajian ialah oleh Diniwati Abd Jalil yang bertajuk 'Pelantikan Undang Rembau Menurut Perspektif Islam' (2000) yang lebih membincang cara-cara pelantikan Undang Rembau yang di kaji dari perspektif Islam tetapi tidak membandingkannya dengan cara pelantikan pemimpin Islam dan 'Pentadbiran Adat Perpateh dari Segi Pandangan Islam Tumpuan Kajian: Daerah Rembau' (1985) oleh Noorsam Manan. Kajian ini lebih memfokuskan kepada sistem pentadbiran adat berbanding dengan sistem pelantikan Undang sendiri. Walaupun begitu penulis banyak merujuk kepada kajian-kajian ini untuk melihat penyusunan dan pengolahan data.

Selain itu terdapat juga buku-buku lain yang membicarakan tajuk-tajuk ini secara tidak langsung antaranya Nordin Selat dalam bukunya *Sistem Sosial Adat Perpatih* (1982) dan *Anatomi Kepimpinan Melayu* (1983), Tan Sri Abdul Samad Idris dalam *Negeri Sembilan dan Sejarahnya* (1968) dan *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dan Kebudayaan* (1970) dan Buyung Adil dengan bukunya *Sejarah Negeri Sembilan* (1981).

Berdasarkan kajian-kajian yang dibuat oleh para pengkaji yang dikemukakan, didapati bahawa hasil kajian-kajian yang terdahulu itu masih belum lengkap dan tidak mencukupi untuk memperkatakan tentang pelantikan Undang Rembau. Kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada adat istiadat yang berkaitan dengan pengkerjanaan Undang Luak secara umum tidak dikhusruskan Luak Rembau dan tidak dinyatakan

syarat-syarat menjadi Undang Luak Rembau secara terperinci. Walaupun penulisan tersebut di atas dikaji tidak secara menyeluruh, serba sedikit dapat membantu pengkaji dalam kajian ini di samping sumber yang diperolehi daripada informan.

Berbeza dengan penyelidikan mengenai pelantikan Undang Rembau, banyak perbincangan mengenai pelantikan pemimpin Islam terutamanya di zaman Rasul dan khalifahnya. Antara kajian yang pertama sekali membahaskan bidang ini secara komprehensif ialah Abi al-Hassan Ali Ibn Muhammad Ibn Habib al-Basri al-Baghuddadi al-Mawardi di dalam bukunya *Al-Siyasah al-Sultaniyyah fi al-Wilayah al-Diniyyah* (1973). Buku ini membahaskan teori-teori untuk melantik seorang khalifah mengikut kesinambungannya dari segi keperluan kepada pemimpin, bidangkuasanya, syarat-syarat pemilihannya serta cara-cara pelantikannya secara khusus. Di samping itu ia juga mengutarakan peranan wizarah yang membantu perjalanan pentadbiran Islam dan fungsi bai'at setelah pelantikan dilakukan. Buku lain yang agak sama topik perbincangannya ialah buku karangan Abu Ya'la Muhammad Ibn al-Hassan Ibn Muhammad Ibn Khalaf al-Farra' yang berjudul *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* (1966).

Terdapat juga pengarang lain yang membincangkan secara menyeluruh tentang pelantikan pemimpin Islam iaitu Lukman Thaib dalam bukunya *Politik Menurut Perspektif Islam* (1998). Buku ini membicarakan secara menyeluruh mengikut kronologi tentang pelantikan pemimpin Islam dari segi pemilihannya, syarat-syarat, sifat-sifat yang diperlukan pemimpin dan sebagainya. Mustafa Hj. Daud juga dalam bukunya *Politik Islam* (1994) membincangkan secara terperinci

tentang bidangkuasa pemimpin Islam di samping membicarakan soal syarat pemimpin dan sebagainya.

Antara buku lain yang boleh dijadikan garis panduan untuk rujukan ialah buku *Mugaddimah Ibn Khaldun* (1928) karangan Ibn Khaldun, *The Islamic Law dan Constitution* (1975) karangan Abi A'la Al-Mawdudi dan buku *Di Mana Letaknya Negara Islam* (1970) karangan A. Hasjmy.

Melalui kutipan tulisan-tulisan dari kedua-dua perbincangan sama ada mengenai pelantikan Undang Rembau dan pelantikan pemimpin Islam inilah penulis telah mengumpulkannya dan menggabungkannya di bawah satu tajuk seterusnya membuat perbandingan dengannya.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Penulis menggunakan beberapa metode penyelidikan untuk mencari data dalam membuat penyelidikan ini iaitu;

1.9.1 Metode Penentuan Subjek

Penulis menggunakan metode sampling dengan menjadikan masyarakat Adat Perpatih di Rembau, Negeri Sembilan sebagai subjek kajian. Walaupun penulis tidak

berhubung secara langsung dengan semua anggota masyarakat tetapi penglibatan penulis dalam masyarakat itu sudah memadai untuk meneliti persoalan yang berlaku.

1.9.2 Metode Pengumpulan Data

Penulis menggunakan beberapa metode dalam usaha mengumpulkan data iaitu;

- i. Metode Historis
- ii. Metode Dokumentasi
- iii. Metode Wawancara

- i. Metode Historis

Metode historis adalah satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kajian.¹⁶ Metode ini digunakan dengan tujuan mendapatkan nilai-nilai sejarah kepada subjek kajian atau penyelidikan. Metode ini akan digunakan oleh penulis dalam kebanyakan bab bagi menyatakan latar belakang sejarah dan cara pelantikan Undang Rembau dalam bab kedua dan bab ketiga, sejarah pelantikan pemimpin Islam dalam bab keempat, dan analisis sejarah dalam bab kelima.

¹⁶ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Penerbitan FOP-IKIP, hlm. 52.

ii. Metode Dokumentasi

Metode ini adalah satu cara pengumpulan data dengan cara mengkaji dokumen yang berhubung dengan masalah yang diselidiki.¹⁷ Dokumen pula bererti benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan.¹⁸ Data-data ini akan diperolehi melalui;

- a. Al Quran dan terjemahannya¹⁹ dan al-Sunnah.
- b. Buku-buku rujukan
- c. Majalah dan surat khabar
- d. Jurnal
- e. Kertas kerja, laporan dan risalah

Data yang diperolehi melalui metode ini digunakan bagi melengkapkan:

- a. Pendahuluan dan metodologi dalam bab pertama.
- b. Latar belakang sejarah Rembau dan sistem pentadbirannya dalam bab kedua.
- c. Sejarah Undang dan cara pelantikannya dalam bab ketiga.
- d. Sejarah, sistem pentadbiran dan cara pelantikan pemimpin Islam dalam bab keempat.
- e. Analisis data dalam bab kelima.

¹⁷ Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraiian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 117.

¹⁸ Abdul Halim Mat Diah (1986), *Filsafat Pendidikan Islam di Malaysia*, Yogyakarta: Kajian Ilmiah (IAIN) Sunan Kalijaga, hlm. 55.

¹⁹ Kitab terjemahan adalah merujuk kepada kitib tafsir al-Quran *Pimpinan Al-Rahman*. (Sheik Abdullah Muhammad Basmeih (1998), *Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Dar-Fikr.

iii. Metod Wawancara

Menurut Koentjaraningrat di dalam tulisannya bertajuk metode wawancara, metode wawancara adalah suatu yang digunakan untuk mendapatkan keterangan secara lisan dari responden dengan bercakap-cakap secara berhadapan.²⁰ Metode ini merupakan pembantu untuk mencapai matlamat mencari data. Tokoh-tokoh akademik dan tokoh adat diwawancara terutama yang mempunyai hubung kait dengan sejarah dan pelantikan Undang Rembau serta hubungannya dengan Islam dalam bab kedua, ketiga dan kelima.

1.9.3 Metode Analisis Data

Apabila data-data yang diperlukan telah terkumpul melalui metode-metode yang digunakan, maka penulis membuat olahan serta rumusan dan menganalisisnya dengan menggunakan metode analisis data. Penulis akan menganalisis data dengan menggunakan metod-metod berikut;

- i. Metode Induktif
- ii. Metode Deduktif
- iii. Metode Komparatif

²⁰ Koentjaraningrat (1977). *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbitan P. T. Garamedia, hlm. 129.

i. Metode Induktif

Metode induktif adalah satu cara penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari bukti dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.²¹ Metode ini kerap digunakan oleh penulis dalam menghuraikan teori sistem pentadbiran dan pelaksanaan pelantikan Undang dan pemimpin Islam di dalam bab kedua, ketiga dan keempat. Contohnya dalam menghuraikan bidang kuasa pemimpin adat (Undang) dan pemimpin Islam dalam bab kedua dan keempat, cara pelantikan Undang dan pemimpin dalam bab ketiga dan keempat dan hubung kait antara syarat dan perjawatan dalam bab keempat.

ii. Metode Deduktif

Metode deduktif adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil yang umum kepada dalil-dalil yang khusus.²² Penulis menggunakan metode ini khusus dalam bab keempat dalam tafsiran al-Quran dan syarat-syarat pelantikan melalui keturunan Quraisy dan perumusan masalah di dalam bab analisis iaitu bab kelima.

²¹ Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, hlm. 52.

²² *Ibid.*

iii. Metode Komparatif

Metode komparatif adalah satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan kepada data-data yang didapati. Segala data, pendapat dan fakta dikumpulkan dan dibuat perbandingan serta kesimpulan. Paling penting semua fakta akan diimbangkan secara saksama. Melalui perbandingan dan pertimbangan tersebut dibuat satu kesimpulan. Metode ini digunakan dalam bab kelima iaitu bahagian penutup untuk membandingkan konsep, syarat-syarat dan cara pelantikan Undang dan pemimpin Islam.